

# Ganti prosedur lembap: Pak Lah

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua prosedur yang melambatkan dan menyukarkan pelaksanaan projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) diganti dengan amalan baru yang lebih mudah.

Perdana Menteri menegaskan mengenai pentingnya kerehnan birokrasi dikurangkan bagi memastikan kejayaan projek RMK-9 untuk faedah rakyat.

"Saya serahkan kepada pegawai untuk kenal pasti prosedur yang me-

lambat dan menyusahkan supaya diganti dengan yang lebih mudah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan pegawai kanan Persekutuan dan negeri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam. Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Perdana Menteri memberi contoh proses pengambilan tanah perlu diperbaiki bagi mengelak birokrasi

yang sering menimbulkan masalah.

Abdullah berkata, proses pengeluaran lesen juga perlu dipermudahkan supaya lebih telus dan mengelak daripada perlu disemak berulang kali.

Beliau berkata, projek RMK-9 yang dikendalikan beberapa kementerian perlu diseliasa dengan baik supaya pelaksanaannya lebih lancar.

"Yang penting mesti ada muafakat dan kerjasama dengan semua pihak. Adalah penting bagi kementerian yang melaksanakan projek itu sen-

tiasa inaklumkan kepada pegawai mengenai apa yang perlu untuk menjayakan pelaksanaan," katanya.

Mengenai kenaikan harga minyak di pasaran dunia yang sudah mencecah lebih AS\$74 setong, Abdullah memberi jaminan kerajaan tidak menaikkan harga petrol dan diesel sehingga akhir tahun ini.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan mengakui kenaikan harga minyak meningkatkan beban kewangan kerajaan kerana terpaksa mengeluarkan subsidi lebih besar.